

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > The Straits Times > 21 August 1985 > Page 4 > 'Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman' dipentaskan di Singapura

'Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman' dipentaskan di Singapura

The Straits Times, 21 August 1985, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL15123

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

'Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman' dipentaskan di Singapura

Oleh NURSALINA

"MEMANG sudah ada hubungan (dalam seni-teater) antara Malaysia dengan Singapura. Saya percaya sekarang perkembangan teater di Singapura tidak jauh berbeza dengan Malaysia. Kini, hampir apa yang ada di Malaysia ada juga di Singapura.

"Memang apabila saya dan kawan-kawan meninggalkan Singapura untuk menetap di Malaysia, saya fikir tentu teater di Singapura akan tenggelam dan saya tak akan banyak mendengar tentang teater di Singapura.

"Tapi nampaknya lain yang berlaku. Sangkaan saya itu tak tepat. Baru-baru ini saja, saya berpeluang menonton persembahan drama ala avant garde dari grup Singapura (Kontemporari III: Lagu Anak Revolusi) di Balai Budaya (Kuala Lumpur). Saya gembira. Saya mendapat tahu Singapura masih ada Perkumpulan Seni, Sriwana, Kemuning dan lain-lain lagi. Sudah ada Pesta Drama. Masih ada orang-orang lama dan sudah ada peminat-peminat muda dalam drama. Pokoknya, Singapura masih ada (dari segi drama, maksud saya).

"Kita banyak bertolak dan bermula (bergiat aktif) dari Singapura. Filem dari

Information ▲

Newspaper:
The Straits TimesDate:
21 August 1985Reel Number:
NL15123Share     

Table of Contents ▲

< Previous | Page 4 | Next >

Page 4 Advertisements Column 1

Club 101 Discotheque M fi^if^i^ j^j^a^ .^j^i^B^A^A^j^A^
j^A^A^A^j^A^B^i^A^P^A^A^y^5^ No Cover Charge Every

Page 4 Advertisements Column 2

SINGAPORE CONTRACTORS ASSOCIATION LTD
TRAINING CENTRE presents CONTRACTUAL CLAIMS

View Full Table of Contents >

Jalan Ampas. Bangsawan dengan Rifin Khairudin, S. Kadarisman atau Shariff Medan. Drama bersama Zain Mahmud, Salim Bachik dan Musa Albakri serta Bani Buang dan Nongchik Ghani. Muzik pula dengan P. Ramlee.

"Jelas sekali, pada dasarnya, teater kita adalah satu. Kita dapat merasakan untuk satu sama lain.

"Kita kini terlalu dekat. Mungkin ini yang menyebabkan kami di Malaysia lebih ingin mengenali Rendra, Arifin dan Putu (teaterawan Indonesia) dan mengikuti perkembangan teater Barat daripada bertanya tentang teater Singapura.

"Maka itu, saya yakin kedatangan kami (rombongan dari Dewan Bahasa dan Pustaka) ke Pesta Drama Singapura ini bukanlah sebagai petunjuk bahawa kamilah yang lebih gagah dan berkebolehan. Tapi sebenarnya, kehadiran kami adalah sebagai menziarahi kawan-kawan lama, mencari kawan-kawan baru. Drama Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman (HHTSS) hanyalah oleh-oleh dari kami.

"Drama itu akan kami persembahkan bukan sebagai pertunjukan semata-mata. Ia simbol kewujudan kita dan pernyataan kita dalam persimpangan zaman dan masa. Persoalan nilai dan pembaharuan — itulah HHTSS. Setelah begitu

kerap berlakon dalam HHTSS, saya dapati ia telah menjadi sebahagian daripada kewujudan kita.

"Apabila kami bermain drama HHTSS, kami begitu rapat kepada audiens atau para penonton keseluruhannya. Kami tak mahu ada jurang atau perpisahan dengan mereka. Dalam drama HHTSS kami semua bermain — bukan berlakon.

"Di Panggung Victoria, dalam Pesta Drama Singapura itu kelak, kami akan hadapi berbagai masalah kerana corak pembinaan panggungnya. Tapi, itulah seronoknya. Lebih banyak masalah, lebih bagus.

"Bidang seni adalah tempat kita mencipta (menghasilkan bahan-bahan kreatif)

atau mencuba. Kita tak

boleh bersifat seperti mesin. Kita perlu berfikir. Panggung Victoria agak lengkap; banyak kemudahan yang tersedia." Demikian penerangan panjang-lebar Encik Othman Haji Zainudin mengenai penyertaan Kumpulan Drama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan HHTSSnya dalam Pesta Drama 1985 di Singapura. Penerangan ini dibuatnya dalam lawatan singkatnya ke Panggung Victoria pada akhir minggu lalu.

Bagaimana tentang harapan masa depan teater Singapura pula?

"Salina, sebuah novel karya A. Samad Said, saya fikir, boleh dijadikan sebuah drama yang dekat pada Singapura. Salina, sebenarnya, bukanlah sekadar kisah seorang gadis; tetapi bagi saya, Salina adalah Singapura. Mengapa tak digarap novel tersebut sedalam-dalamnya, lalu mendramakan kisah tersebut?

"Saya ada menonton drama televisyen Singapura. Tapi rasanya, belum puas lagi; belum cukup baik. Malahan penyampaiannya amat lemah, terlalu remeh-temeh dan kurang penekanan terhadap *subject-matter*nya.


"Sekiranya drama televisyen kita berpengaruh, maka saya yakin drama pentas akan lebih berkembang.

"Perbanyakkan drama yang tersendiri dan menarik. Kemudian kritik! Singapura mesti ada pengkritik drama yang gigih. Kritik apa saja drama yang ada. Kritik drama akan mengembangkan seni ini," jawabnya.


Bila ke Singapura lagi dan apa yang akan didapat di sini kelak?

"Singapura ada drama dan lebih dari itu; bukan sekadar *spare-part* kereta dan lychee," jawabnya, ringkas.





Zanariah Wahid



Othman Hj Zainudin

Related Articles



Satu peluang baik untuk menonton sebuah drama bermutu dari Malaysia
The Straits Times 6 June 1985

Satu peluang baik untuk menonton sebuah drama bermutu dari Malaysia Ol...

Teater Elit penuh kreativiti
The Straits Times 4 February 1985

Teater Elit penuh kreativiti Oleh AZMAN SIRAJ GRUP Teater Elit sudah d...

Penggubah sepanjang zaman
The Straits Times 5 March 1986

Penggubah sepanjang zaman Oleh Y.A. RAHIM MENGGUBAH atau tidak? Italah...

